

Benam dalam pasir

■ *Taktik terbaru sindiket seludup petrol ke negara jiran*

Hazsyah Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Lahad Datu

'Kebumi' tong berisi petrol dalam pasir untuk me-

ngaburi pihak berkuasa menjadi taktik terbaru aktiviti penyeludupan yang berjaya dikesan Pasukan Polis Marin (PPM)

Taktik itu terbongkar selepas serbuan di kawasan pesisir pantai Kampung Sinakut Felda Sahabat di sini, jam

6 petang kelmarin. Komander PPM Wilayah Empat Sabah, Asisten Komisioner Mohamad Pajeri Ali berkata, serbuan dibuat berdasarkan maklumat Unit Risikan Marin (URM) berhubung kegiatan penyeludupan minyak di kawasan berkenaan.

Katanya, pemeriksaan di kawasan berkenaan menemui sebanyak 12 tong berwarna hijau mengandungi cecair yang terbenam di dalam pasir.

"Hasil pemeriksaan men-

dapati semua tong berkenaan mengandungi petrol bersubsidi.

"Polis percaya rampasan petrol yang dianggarkan bernilai RM583 itu cuba diseludup ke negara jiran," katanya dalam kenyataan media di sini, semalam.

Mohamad berkata, semua rampasan dibawa ke pangkalan Markas Operasi PPM Lahad Datu untuk tindakan lanjut.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawasan Bekalan 1961.



PPM merampas 12 gelen petrol yang cuba diseludup dan ditanam dalam pasir di Pantai Kampung Sinakut Felda Sahabat, Lahad Datu.